

→ **Kilang diberi notis berhenti operasi** selama 60 hari mengikut Seksyen 31 Akta Alam Sekeliling 1974

bersama Sekysen 37 akta yang sama → **Pencemaran menjejaskan** kira-kira 12,000 akaun pengguna bekalan air

[FOTO MOHD AZREN JAMALUDIN/BH]



Projek Air Mentah Rapid di Empangan Seluyut, Kota Tinggi.

Johor ada bukti punca pencemaran ammonia

→ Kerajaan negeri akan tetap ambil tindakan terhadap dalang

Oleh Junita Mat Rasid
junita@bh.com.my

► Kota Tinggi

Kerajaan negeri Johor mempunyai bukti punca pencemaran ammonia di Sungai Johor dan akan tetap mengambil tindakan kepada dalangnya.

Bagaimanapun, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pihaknya enggan membincangkan perkara itu menerusi media.

“Apa pun, kita dalam siasatan dan sudah ambil semua bukti. Kita tidak mahu bahaskan dalam media (sama ada) ya atau tidak (punca dari kilang kelapa sawit) tetapi bila bukti semua ada, maka tindakan akan diteruskan.

“Ketika ini kilang itu sudah

diarah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar digantung operasi, jadi tidak perlu saya nak ulas apa-apa,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Projek Air Mentah RAPID (PAMER), di Empangan Seluyut, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Sime Darby Plantation (SDP) bahawa siasatan pihaknya mendapati tiada bukti fizikal sisa buangan dari Kilang Kelapa Sawit Ulu Remis milik syarikat itu menjadi punca pencemaran ammonia di Sungai Johor.

Sudah ambil sampel air

SDP dalam kenyataannya kelmarin, memaklumkan pihaknya sudah mengambil sampel air dari Sungai Remis dan Sungai Sayong dan mengujinya di makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) milik syarikat sebelum mendapati tiada bukti jelas kilang atau ladang menjadi punca pencemaran ammonia di Sungai Johor.

Khamis lalu, Mohamed Khaled dilaporkan berkata, kilang sawit milik syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di Ulu Remis, dekat Kluang, dikenal pasti menyebabkan berlakunya pencemaran ammonia di Sungai Johor dan bakal dikenakan tin-



Apa pun, kita dalam siasatan dan sudah ambil semua bukti. Kita tidak mahu bahaskan dalam media (sama ada) ya atau tidak (punca dari kilang kelapa sawit) tetapi bila bukti semua ada, maka tindakan akan diteruskan”

Mohamed Khaled Nordin,
Menteri Besar Johor

dakan undang-undang susulan pencemaran ammonia yang menjejaskan bekalan air mentah membabitkan 120,000 akaun pengguna.

Sementara itu pada majlis berasingan, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Ayub Rahmat, berkata Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang meneliti beberapa perkara berkaitan bagi mengesahkan bukti yang cukup sebelum mendakwa pihak bertanggungjawab mencemar Sungai Johor.

Menyalahi lesen

“Kita maklum bahawa kita tunggu siasatan JAS tetapi ingin saya maklumkan bahawa pihak berkenaan tidak boleh kata dia tidak membantu kepada pencemaran kerana ada aliran keluar effluent (sisa) berlaku dan ia mengalir ke ladang mereka dan ini sebenarnya sudah menyalahi lesen.

“Bolehkah pihak kilang memberi jaminan bahawa effluent yang keluar dari kumbahan ke ladang mereka tidak masuk ke alur air dan parit yang ada dan parit itu bersambung dengan sungai?” katanya pada sidang media selepas merasmikan Bengkel Kajian Pelan Tindakan Banjir Johor, di sini semalam.